

28/05/2000

Muzakarah sekadar helah Pas

Syed Akbar Ali

BEBERAPA golongan sudah membuat kenyataan terhadap cadangan muzakarah antara Pas dan Umno. Ada orang terkeliru muzakarah dengan Pas akan menyelesaikan perpecahan yang menimpa masyarakat Melayu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Wira Ali Rustam berpendapat Umno tidak perlu bermuzakarah dengan Pas kerana tidak akan membawa sebarang faedah melainkan memberi peluang kepada Pas untuk memburukkan lagi keadaan.

Sebelum ini Nik Aziz pernah berkata Pas rela menerima pertolongan daripada syaitan untuk memenangi pilihan raya.

Pada mulanya kenyataan dangkal seperti ini ditafsirkan sebagai penghias bahasa saja dengan tidak mempunyai niat yang benar. Tetapi pada minggu pilihan raya pula Harakah lidah rasmi Pas, membawa gambar Menara Kuala Lumpur di muka depannya dengan berita palsu mengatakan menara itu sudah retak.

Penipuan seperti ini adalah bisikan syaitan juga yang bertujuan untuk menimbulkan kemarahan rakyat terhadap parti pemerintah dan memancing undi untuk Pas. Dan sebelum itu pula Nik Aziz pernah membuat satu lagi kenyataan palsu bahawa Maha Suci Allah mencarut dalam kitab suci al-Quran (nauzubillah).

Oleh itu ianya halal bagi orang Pas juga untuk mencarut seperti Shahnon Ahmad yang berkata 'PM p\*\*\*mak' dan provokasi mencarut yang lain dalam bukunya.

Sama seperti pertolongan syaitan, provokasi mencarut ini juga bertujuan untuk menolong Pas menang dalam pilihan raya.

Maha Suci Allah berfirman, "Dan katakanlah kepada hamba-hamba-Ku, bahawa mereka berkata perkataan yang lebih baik. Sesungguhnya syaitan membuat provokasi di antara mereka, dan syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia," (Surah 17: 53).

Ayat ini memberi gambaran yang paling tepat terhadap fiil Nik Aziz. Menggunakan kata-kata bohong, mencarut dan menghasut orang semuanya menjadi senjata Pas yang mereka halalkan untuk tujuan menang pilihan raya.

Oleh sebab Pas mengaku menjadi parti mencarut Umno perlu tanya jika Pas akan mencarut juga sekiranya muzakarah diadakan sesama mereka? Sekiranya semasa muzakarah itu ahli Pas berkata lagi 'PM p\*\*\*mak' atau sebagainya apakah orang Umno pula akan balas dengan 'ulama Pas p\*\*\*mak' dan serupanya?

Tidak mungkin Umno akan berbuat demikian kerana Umno belum lagi mencapai tahap yang begitu buruk macam Pas. Jadi tiada gunanya bermuzakarah dengan parti mencarut seperti Pas.

Anjing kurap biar menyalak di tepi jalan saja. Tugas utama Umno sekarang ialah untuk menyatupadukan orang Melayu yang menghadapi perpecahan dan kekeliruan akibat daripada kes Anwar Ibrahim dan putar belit ulama penipu. Perpecahan sekarang wujud disebabkan simpati sebahagian orang Melayu terhadap Anwar Ibrahim. Itu saja.

Pas tidak mempunyai tempat dalam menangani masalah ini kecuali mengeksploitasikan isu Anwar untuk menangi pilihan raya. Pas cuma menyemarakkan api perpecahan ini untuk tujuan menang pilihan raya.

Jangan orang Umno atau sesiapaupun terpedaya untuk memberi penghormatan hendak bermuzakarah pula dengan penganut ajaran syaitan seperti ini.

Sebelum ini Pas tidak berupaya memenangi pilihan raya kecuali di Kelantan atas sebab tertentu. Kemenangan Pas di Terengganu tidak lain melainkan satu kejayaan Pas menangguk di air keruh.

Seperti mana Dr Mahathir ramalkan sebelum pilihan raya, Umno akan kehilangan kerusi dan mungkin juga negeri akibat daripada simpati sebahagian orang Melayu terhadap Anwar.

Pas dapat menang Kelantan pada 1990 dengan pertolongan Parti Melayu Semangat 46 (S46). Mereka mengambil kesempatan ketika Umno mengalami pergolakan dalaman.

Seperti juga haiwan dubuk yang hidup dengan makan bangkai, Pas menjadi oportunistis tiap kali Umno mengalami masalah.

Setelah memenangi Kelantan S46 tidak diberi layanan yang baik oleh Pas sehingga mereka terpaksa memutuskan hubungan dengan Pas. Mereka dakwa ditolak tepi oleh Pas yang enggan meluaskan ruang kepada S46 dalam pentadbiran Kelantan.

Begitu juga sekarang Pas membela Anwar tetapi apakah Pas akan terus membela nasib dia untuk selama-lamanya?

Nafsu dubuk Pas paling tertarik dengan keengganan sebahagian orang Melayu untuk menerima keputusan mahkamah yang mendapati Anwar salah atas satu tuduhan menyalahgunakan kuasa.

Tetapi makin lama, masyarakat Melayu sedar juga akan fakta-fakta yang diketengahkan dan mereka mampu membuat penilaian sendiri.

Kemenangan Barisan Nasional di pilihan raya kecil Sanggang hanya beberapa bulan sesudah pilihan raya umum dengan majoriti lebih besar membuktikan sokongan orang Melayu terhadap parti pemerintah sedang meningkat. Pas pun sedar akan hakikat yang merunsingkan mereka juga.

Pas juga sedar Anwar akan terus didakwa atas beberapa lagi tuduhan dalam mahkamah. Sebarang perbicaraan dalam mahkamah berupaya untuk membongkar bukti dan juga kisah yang tidak pernah diketahui orang ramai.

Masalah bagi Pas ialah mereka tidak tahu, seperti juga orang lain, apakah bukti yang ada pada pihak pendakwa raya untuk meneruskan pendakwaan terhadap Anwar.

Tetapi Pas sedia faham bahawa pendakwa raya memang bersedia untuk menjalankan tugas mereka.

Setakat ini kes Anwar sudah membebaskan Umno dan menguntungkan Pas. Sekiranya pergolakan perbicaraan kes seterusnya tidak seperti disangka Pas, apakah tindakan membela Anwar Ibrahim akan bertukar menjadi satu bebanan pula kepada Pas? Inilah risiko besar ditanggung Pas.

Dalam keadaan demikian Pas akan terpaksa menjadi haiwan dubuk sekali lagi sebab tujuan Pas ialah untuk menangi pilihan raya saja. Parti yang sedia menerima pertolongan syaitan dan menipu bahawa Menara Kuala Lumpur sudah retak tidak akan tergamak untuk bermain 'belakang kira' dengan sesiapa pun untuk menangi pilihan raya.

Tetapi untuk sementara waktu ini, Pas akan terus mengeksploitasi sentimen sebahagian orang Melayu yang masih pro-Anwar dengan sepenuhnya. Maka cadangan muzakarah dan sebagainya akan hanya menguntungkan Pas saja kerana mereka lebih pintar memutarbelitkan keadaan untuk menumpang simpati orang Melayu.

Misalnya pada saat ini juga sambil mereka sibuk menjemput Umno bermuzakarah mereka juga memutarbelitkan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Perhimpunan Agung Umno lalu yang kononnya menghina Nabi.

Setelah menang Terengganu mereka putarbelitkan pembatalan 39 'lesen arak Umno' di negeri itu tetapi sebaliknya mereka pendamkan tujuh 'lesen arak Pas' yang dibenarkan oleh kerajaan negeri pimpinan Hadi Awang itu.

Inilah modal Pas yang sebenarnya. Putar belit Pas yang cetek seperti ini hanya akan laku dengan orang yang tidak dapat menilai sesuatu dengan kritikal. Oleh itu jangan pula orang Melayu terpedaya dengan helah begitu mudah ini.

(END)

